



PENYATA

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM
(PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE) (PAC)



PEJABAT DEWAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Tingkat 1, Bangunan Annex,
Bangunan Dewan Negeri Selangor,
40680 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.

Telefon : 03-55447615, 55447616, 55447617, 55447618, 55447422





PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM
(PUBLIC ACCOUNTS COMMITTEE (PAC))

**Penyata Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam
(Public Accounts Committee PAC)**

1. Pendahuluan :

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor atau Public Accounts Committee (PAC) dalam Bahasa Inggeris ditubuhkan di bawah Peraturan Tetap 68, Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor untuk menyemak dan meneliti Laporan Ketua Audit Negara dan tadbir urus Negeri Selangor. Ahli-ahli Jawatankuasa PAC Ketiga Belas terdiri daripada :

i)	Y.B Tuan Ng Suee Lim (ADN Kawasan Sekinchan)	Pengerusi
ii)	Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (ADN Kawasan Batu Caves)	Ahli
iii)	Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (ADN Kawasan Bangi)	Ahli
iv)	Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing)	Ahli
v)	Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias (ADN Kawasan Sungai Burong)	Ahli
vi)	Y.B. Dato' Haji Amirudin bin Setro (ADN Kawasan Jeram)	Ahli

Berikut ialah tarikh-tarikh Jawatankuasa PAC telah bermesyuarat pada tahun 2013 dan 2014. Jawatankuasa PAC bermesyuarat dengan korum yang cukup.

Bil	Tarikh Mesyuarat
1	25 Julai 2013
2	22 Ogos 2013
3	19 September 2013
4	19 Disember 2013
5	16 Januari 2014
6	23 Januari 2014
7	13 Februari 2014
8	27 Februari 2014
9	7 Mac 2014

Jawatankuasa PAC telah menghadiri satu seminar Pengurusan Kewangan Untuk Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam (PAC) Persekutuan dan Negeri pada 8 dan 9 Januari 2014 dari 8:30 pagi hingga 5 petang bertempat di Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur.

- xiv) Puan Rozzana Rahmat
Ketua Penolong Pengarah Kewangan Negeri
(Perolehan dan Pengurusan Aset)
- xv) Encik Sharez Izuan bin Md. Zaidi
Ketua Penolong Pengarah Kewangan Negeri (Hasil)
- xvi) Encik Amirul Azizan bin Abd Rahim
Ketua Penolong Pengarah Kewangan Negeri (Belanjawan)
- xvii) Encik Zulkifli bin Osman
Ketua Penolong Pengarah Kewangan Negeri (Khidmat Pengurusan)
- xviii) Puan Norfardhiyah binti Che Abdul Rahman
Ketua Penolong Bendahari (Trust)
- xix) Puan Beh Chaw Chin
Penolong Juruaudit
- xx) Puan Foo Lei Yong
Penolong Juruaudit

Pegawai-pegawai yang turut hadir dalam mesyuarat:

- i) Puan Roslinah binti Md Jani
Timbalan Pegawai Kewangan Negeri
- ii) Encik Azal bin Adzhar
Bendahari Negeri Selangor
- iii) Encik Sawaludin bin Md Nor
Timbalan Pengarah Audit
- iv) Encik Mohamad Azwan bin Ayob
Penolong Juruaudit
- v) Encik Nazmir bin Mohd Nazar
Ketua Penolong Bendahari Negeri
- vi) Puan Lai Seck Yin
Ketua Penolong Pengarah Audit
- vii) Puan Juraini Binti Abdul Yazib@Abdul Aziz
Penolong Pengarah Audit
- viii) Puan Nik Azrimah binti Abd Ghafar
Ketua Penolong Bendahari Negeri
- ix) Encik Mohd Shahrizal bin Mohd Salleh
Ketua Penolong Pengarah Kewangan Negeri
(Analisa Pemantauan Pelaburan dan Pinjaman)
- x) Encik Mohd Azwan bin Ayop
Penolong Juruaudit Jabatan Audit Negeri Selangor
- xi) Puan Sophia Sup Anak Rampai
Penolong Juruaudit Jabatan Audit Negeri Selangor
- xii) Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman
Pegawai Kewangan Negeri
- xiii) Puan Ang Nai Har
Pengarah Audit Negeri Selangor

2. Aturan Kerja Jawatankuasa :

Cara semakan dijalankan di dalam mesyuarat PAC ialah dengan:-

- a) mengenalpasti isu yang berbangkit
- b) mengenalpasti pihak yang perlu memberi penjelasan
- c) tatacara semasa penjelasan berlangsung
- d) bagaimana penemuan ditentukan; dan
- e) bagaimana syor diputuskan.

3. Item-item Semakan

3.1.Syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan atau *Government Linked Companies* (GLC)

- a) Isu : Prestasi Pendapatan dan Perbelanjaan Kerajaan Negeri Daripada/Kepada Badan Berkanun dan Anak Syarikat GLC
- b) Pihak : Jabatan Perbendaharaan Negeri
- c) Tarikh panggilan : 22 Ogos 2013
- d) Kehadiran : Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman (Pegawai Kewangan Negeri Selangor) dan Encik Azal bin Adzhar (Bendahari Negeri Selangor)
- e) Penemuan :
 - i. Bagi memastikan tunggakan bayaran balik pinjaman yang berjumlah RM 69, 441, 213.24, Perbendaharaan Negeri secara berkala mengeluarkan peringatan kepada agensi-agensi yang terlibat. Berikut ialah badan berkanun dan anak syarikat GLC yang masih mempunyai tunggakan bayaran balik pinjaman sehingga 16 Ogos 2013:

Bil	Agensi	Jumlah Tunggakan (RM)
1	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYS)	5, 740, 130.66
2	Yayasan Selangor	5, 634, 834.56
3	Lembaga Perumahan dan Hartanah	52, 046, 248.02
4	Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI)	6, 020, 000.00
Jumlah	Jumlah Keseluruhan	69, 441, 213.24

- ii. Mengenai pinjaman SSI secara khusus;

Status Pinjaman Kewangan oleh pihak-pihak lain kepada Perbendaharaan Negeri

- a) Isu: Bayaran Balik Pinjaman

- b) Pihak: Perbendaharaan Negeri Selangor
- c) Tarikh Panggilan: 22 Ogos 2013
- d) Kehadiran: Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman (Pegawai Kewangan Negeri Selangor) dan Encik Azal bin Adzhar (Bendahari Negeri Selangor)
- e) Penemuan:
- i. Berhubung bayaran balik pinjaman berjumlah RM 15 juta daripada Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri (SSI), ianya telah diletakkan di bawah pengurusan Pengerusi Menterai Besar (MBI). Tunggakan sebanyak RM 6 juta berlaku apabila MBI tidak membayar tunggakan tersebut. Liabiliti pembayaran perlu ditanggung oleh MBI memandangkan SSI telah dibubarkan.
- ii. Perkara tersebut juga telah dipanjangkan kepada Kamar Penasihat Undang-undang Negeri Selangor. Ini kerana, walaupun ianya telah berada di bawah pengurusan MBI, perjanjian pinjaman yang asal adalah di antara Perbendaharaan Negeri dan SSI. Pihak MBI turut mengenalpasti masalah ini apabila ianya dibangkitkan dalam audit yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara.
- iii. Kerajaan Negeri turut memutuskan untuk membuat *write-off* dalam tempoh 10 tahun bermula tahun 2014 ke atas tunggakan pinjaman oleh Amanah Saham Selangor (ASAS) berjumlah RM 1.7 juta setiap tahun dan Kolej Antarabangsa INSPENS berjumlah RM 2 juta setiap tahun.
- f) Syor PAC:
- i. Jawatankuasa menyarankan bahawa pinjaman melibatkan wang rakyat hendaklah dilakukan secara sistematik dan berhemah.
- ii. Jawatankuasa mengesyorkan bahawa sesuatu mekanisme secara holistik harus dilaksanakan bagi memantau bayaran balik secara sistematik supaya isu ini tidak berbangkit lagi.
- f) Syor PAC :
- i. Perbendaharaan Negeri secara berkala harus mengeluarkan peringatan kepada agensi-agensi yang ada tunggakan bayaran balik pinjaman sebanyak RM 69, 441, 213.24.

3.2. Jabatan Kerja Raya (JKR)

- a) Isu : MARRIS
- b) Pihak : Jabatan Kerja Raya
- c) Tarikh panggilan : 22 Ogos 2013

Urus Setia:

- i) Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)
- ii) Encik Mohd Khairul Ashraff bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha
- iii) Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iv) Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat
- v) Puan Noor Syazwani binti Abdul Hamid
Setiausaha Pejabat
- vi) Encik Ahmad Hafizan bin Yusoff
Pembantu Tadbir
- viii) Puan Siti Fairus binti Mahd Sah
Pembantu Tadbir
- ix) Cik Apsara Murale
Pegawai Penyelidik Pejabat Speaker

Senarai Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor Ketiga Belas adalah terdiri daripada:-

i)Y.B Tuan Ng Suee Lim (ADN Kawasan Sekinchan)	Pengerusi
ii)Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (ADN Kawasan Batu Caves)	Ahli
iii)Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (ADN Kawasan Bangi)	Ahli
iv)Y.B. Tuan Rajiv A/L Rishyakaran (ADN Kawasan Bukit Gasing)	Ahli
v)Y.B. Dato' Haji Mohd Shamsudin bin Haji Lias (ADN Kawasan Sungai Burong)	Ahli
vi)Y.B. Dato' Haji Amirudin bin Setro (ADN Kawasan Jeram)	Ahli

d) Kehadiran : Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman (Pegawai Kewangan Negeri Selangor dan Encik Azal bin Adzhar (Bendahari Negeri Selangor)

e) Penemuan :

- i. Program Ops Tampil Jalan Seluruh Negeri Selangor diadakan dengan kerjasama Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) yang bertindak sebagai penyelaras program dan 12 PBT negeri Selangor yang berperanan sebagai pemantau. Program ini telah mula dijalankan pada bulan Disember 2012 dan berakhir pada April 2013.
- ii. Kerajaan Negeri melalui agensi teknikal yang bertanggungjawab akan mengenalpasti keperluan bagi setiap Pejabat Daerah dan Tanah (PDT) dan PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) dalam menetapkan peruntukan yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan. Kementerian Kewangan tidak mengehadkan supaya setiap peruntukan wang MARRIS yang diperuntukkan perlu dibelanjakan dalam tempoh tertentu. Sebagai contoh, sekiranya di PBT tertentu terdapat keperluan tambahan bagi penyelenggaraan jalan, peruntukan akan disalurkan dengan menilai kepada prestasi agensi pelaksana yang dilantik oleh PBT berkaitan. Anggaran peruntukan yang diterima oleh Kerajaan Negeri Selangor daripada Kerajaan Pusat ialah sebanyak RM 35 juta setiap bulan.
- iii. Jumlah peruntukan yang diberikan adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang telah didaftarkan oleh PBT dan PDT melalui sistem MARRIS online. Kadar kos mengikut panjang jalan telah didaftarkan oleh PBT dan PDT adalah seperti berikut:
 - a) Jalan Bandaran: RM 31, 000.00 per km; dan
 - b) Jalan Sub Standard (Luar Bandar) : RM 14, 000 per km.
- iv. Pemberian peruntukan ditetapkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dan diluluskan berdasarkan rekod jalan yang didaftarkan. Sejak tahun 2013, jalan yang telah didaftarkan akan disemak oleh Jawatankuasa Teknikal yang telah dilantik. Penetapan dasar pemberian kepada agensi akan dibawa ke MMKN untuk perakuan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pentadbir. Bagi kes-kes kecemasan seperti jambatan runtuh, jalan rosak dan sebagainya, Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai contoh perlu membuat permohonan khas dan mendapat pertimbangan daripada Jawatankuasa Pentadbir. Pemberian peruntukan hendaklah selaras dengan Arahan Amanah Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri dan Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pemberian

Penyelenggaraan Jalan Negeri. Tiada kuota ditetapkan dalam permohonan ini.

- v. JKR merupakan agensi yang menyelaras daftar MARRIS Online dengan kerjasama agensi teknikal PBT/PDT. Sebagai semakan ke atas proses tersebut, ia akan dipanjangkan ke Bahagian Senggara dan Fasiliti Ibu Pejabat JKR, Kementerian Kerja Raya Malaysia. Jurutera Daerah akan melakukan semakan dan pengesahan di setiap daerah di Selangor.
- vi. Sebagai langkah penambahbaikan dan meminimakan kesilapan atau ketidakpatuhan kepada penggunaan peruntukan, Arahan Amanah Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalan-jalan Negeri baharu telah diperkenalkan pada tahun 2013 bagi memberikan definisi yang lebih jelas tentang penggunaan peruntukan MARRIS.

f) Syor PAC :

- i. Arahan Amanah Arahan Akaun Penyelenggaraan Jalan-Jalan Negeri yang baharu tahun 2013 sebenarnya masih kabur and perlu lagi diperhalusi sebagaimana Jawatankuasa perincikan dalam perenggan (iv) di bawah harus memberi definisi yang jelas tentang penggunaan peruntukan MARRIS.
- ii. Kerajaan Negeri perlu memastikan penggunaan peruntukan MARRIS dimaksimumkan dan tidak disimpan dalam rizab negeri. Kerajaan Negeri disarankan untuk menyimpan tidak lebih daripada 10% daripada peruntukan MARRIS dalam rizab negeri untuk kecemasan berkaitan dengan jalan.
- iii. Jawatankuasa mendapati banyak kelemahan Ops Tampil yang perlu dipantau dan diperincikan seperti kerja menampal pada jalan yang tidak diperlukan dan secara amnya kualiti kerja yang kurang memuaskan.
- iv. Skop kerja MARRIS harus diperluaskan mengikut keperluan semasa seperti berikut:-
 - a) Menaiktaraf persimpangan premis kepada *system interlocking*;
 - b) Penyelenggaraan termasuk bahu jalan; dan
 - c) Penyelenggaraan termasuk menaiktaraf longkang dan culvert.

3.3 Contoh Pelaksanaan MARRIS di Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

- a) Isu : Pelaksanaan MARRIS
- b) Pihak : Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ)

5. Perakuan

Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor ke atas Laporan Ketua Audit Negara Negeri Selangor bagi tahun 2013 dengan ini dibentangkan kepada Dewan Negeri Selangor untuk penerimaannya mengikut Peraturan Tetap 76(5).



(Y.B. Tuan Ng Suee Lim)

Pengerusi

Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Selangor

Dewan Negeri Selangor

April 2014

Blight), Ulat Lipat Daun, Ulat Batang, Bena Perang, Reput Tangkai, Karah, Tikus dan Siput Gondang Emas (SGE).

- ii. Kawasan Sekinchan dan sekitarnya terjejas teruk memandangkan ia diserang pada umur padi 35 hari.
- iii. (BLB) merebak dengan meluas di kawasan tanaman padi kerana faktor-faktor seperti ribut, hujan lebat dan angin yang kuat.

f) Syor PAC :

- i. Jabatan Pertanian harus mengenal pasti kaedah yang boleh digunakan bagi membantu petani-petani meningkatkan hasil pengeluaran seterusnya dapat mengawal serangan penyakit-penyakit tanaman padi. Kajian yang menyeluruh juga harus dilaksanakan terhadap serangan penyakit BLB supaya hasil pertanian tidak terjejas.
- ii. Jawatankuasa mengesyorkan agar satu percubaan pilot projek beras padi wangi dilaksanakan.

4. Penutup :

Berdasarkan laporan di atas, Jawatankuasa PAC telah berjaya memainkan peranan dan fungsi menyemak dan meneliti Laporan Ketua Audit Negara dan tadbir urus negeri Selangor. Jawatankuasa PAC ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan memberi penghargaan kepada Jabatan Audit Negeri yang turut serta, juga kepada semua pihak yang hadir memberi penjelasan, kepada ahli jawatankuasa PAC dan lain-lain.

Sesungguhnya Jawatankuasa PAC bertujuan untuk meneliti dan menyemak perjalanan urus tadbir kewangan negeri supaya menepati maksud *Competency, Accountability and Transparency* (CAT).

c) Tarikh panggilan :23 Januari 2014

d) Kehadiran : Encik Ir. Rosli bin Mohd Yunus

e) Penemuan :

- i. Jalan-jalan negeri yang berdaftar dalam Sistem MARRIS Online layak untuk disediakan pemberian penyenggaraan jalan negeri
- ii. Jumlah pemberian yang akan diperuntukan pada setiap negeri adalah berdasarkan jumlah panjang jalan yang berdaftar di dalam Sistem MARRIS Online pada 31 Disember tahun sebelumnya.
- iii. Agensi Pelaksana hendaklah mendaftarkan jalan negeri dalam Sistem MARRIS Online dan mendapat perakuan peringkat pertama selewat-lewatnya pada 31 Oktober dan perakuan kedua (pengesahan) selewat-lewatnya pada 31 Disember setiap tahun bagi membolehkan jalan tersebut diambil kira dalam perakuan peruntukan penyelenggaraan jalan negeri tahun berikutnya.
- iv. Data di lokasi dan di dalam sistem MARRIS Online adalah kurang tepat kerana masih terdapat perbezaan yang ketara diantara pelbagai agensi pelaksana seperti pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Sehubungan itu, satu mesyuarat penyelarasan bagi mengenal pasti perbezaan tersebut hendaklah dilaksanakan.
- v. Jabatan Audit Negeri Selangor mencadangkan agar pelarasan ayat "menaiktaraf" dibuat seperti di dalam baucar bayaran supaya tidak timbul sebarang kekeliruan.
- vi. Menurut syor daripada *International Monetary Fund* (IMF), penyelenggaraan jalan wajar atau harus dibuat setiap tujuh tahun sekali. Jawatankuasa berpendapat bahawa syor tersebut bergantung kepada spesifikasi jalan contohnya jalan MARRIS yang diturap tidak tahan sampai lima tahun.

f) Syor PAC :

- i. Peruntukan MARRIS dapat digunakan dengan lebih menyeluruh agar member keselesaan kepada rakyat dan pengguna jalan raya.
- ii. Menambah jumlah kakitangan di peringkat JKR negeri kerana terdapat keperluan mustahak untuk memastikan data-data MARRIS dikemaskinikan supaya tiada maklumat tercicir dan Kerajaan Negeri telah mengalami kekurangan peruntukan kerana data-data MARRIS tidak menunjukkan terdapatnya keperluan tersebut.

3.4. Pelaksanaan Kerja Infrastruktur

- a) Isu : Projek, aduan dan tahap pemantauan JKR
- b) Pihak : Jabatan Kerja Raya
- c) Tarikh panggilan : 19 September 2013
- d) Kehadiran : Y. Bhg. Dato' Ir. Hamizan bin Mohd Inzan (Pengarah, Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor)
- e) Penemuan :
 - i. JKR Negeri Selangor membuat penilaian dan syor kontraktor yang layak dan akan dibawa ke Lembaga Tender. Pemilihan adalah berdasarkan harga terendah dan berkeuntungan. Kedudukan kewangan dan kerja turut diambil kira dalam pemberian kontrak.
 - ii. JKR Negeri Selangor tidak mempunyai pusat latihan bagi melatih kakitangan sedia ada dan kini sedang berusaha untuk mendapatkan pusat latihan baru. Sebelum ini, Institut Kerja Raya Malaysia (IKRAM) merupakan pusat latihan JKR yang telah diswastakan. Pusat latihan yang terancang membolehkan latihan secara sistematik dan konsisten diberikan. Implikasi IKRAM yang telah diswastakan telah menyebabkan ramai jurutera tidak diberi latihan dan pendedahan yang mencukupi untuk memantau projek-projek tersebut. Keadaan yang berlaku sebenarnya adalah apabila berlakunya kerosakan atau tragedi, hanya JKR di negeri yang terlibat dengan penubuhan jawatankuasa untuk menyiasat dan mengenalpasti punca masalah dan penambahbaikan yang boleh diambil. Perkongsian maklumat tersebut tidak berlaku secara menyeluruh di peringkat daerah.
 - iii. Berhubung aduan, laporan akan ditutup jika permohonan daripada JKR Negeri Selangor telah dihantar ke Kementerian Kerja Raya Malaysia atau Perbendaharaan Negeri Selangor.
 - iv. Pelantikan kontrak kepada Syarikat Roadcare (M) Sdn Bhd adalah selama 15 tahun dilaksanakan oleh Kerajaan Pusat. Penilaian sama ada syarikat tersebut menjalankan tugas dengan baik dapat dilihat melalui jumlah Non-Conformance Report (NCR) yang diterima.
 - v. JKR Negeri Selangor akan melakukan semakan ke atas kerja-kerja turapan jalan yang berulang yang dilakukan di atas jalan raya,

- i. Penyediaan laporan lengkap harus dibuat setiap tiga bulan dan diedarkan kepada ahli MMKN agar aduan-aduan diterima oleh PBT dapat dikenal pasti dan proses penambahbaikan dapat dilaksanakan.
- ii. Jawatankuasa mengesyorkan STARS meningkatkan hubungan yang lebih rapat dengan PBT, jabatan/agensi serta mengambil tindakan dan pendekatan yang lebih proaktif.
- iii. Jawatankuasa menggesa PBT berkaitan perlu lebih peka dan proaktif kepada sebarang aduan yang diterima.
- iv. STARS harus memperluaskan perkhidmatan kepada jabatan-jabatan lain yang belum disenarai dalam sistem aduan STARS. Jabatan-jabatan yang belum disenaraikan dalam sistem aduan STARS ialah contohnya seperti JPS dan JKR.
- v. Sistem aduan STARS perlu ditambah baik supaya dapat mengendalikan kes kecemasan seperti pokok tumbang, banjir dan sebagainya.
- vi. Terdapat keperluan menambah bilangan kakitangan di bahagian korporat untuk memperkasakan STARS.
- vii. Aduan yang dipanjangkan tidak boleh ditutup sehingga masalah aduan tersebut benar-benar selesai

3.9. Penyakit Tanaman Padi

- a) Isu : Serangan Penyakit Dan Haiwan Perosak Di Kawasan Jelapang Padi Di Negeri Selangor
- b) Pihak : Jabatan Pertanian Negeri Selangor
- c) Tarikh panggilan : 16 Januari 2014
- d) Kehadiran: Tuan Mohamad Idrus bin Abdul Hamid (Pemangku Pengarah/Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Selangor)
- e) Penemuan :
 - i. Perosak utama dan penyakit tanaman padi di Projek Barat Laut Selangor (PBLS) adalah Hawar Daun Bakteria (Bacterial Leaf

- i. Aduan yang diterima daripada pengadu dan dianalisis terlebih dahulu oleh Bahagian Korporat sebelum dipanjangkan kepada Jabatan/Agensi dalam tempoh 7 hari.
- ii. STARS tidak dapat mengendalikan kes kecemasan seperti pokok tumbang, banjir dan sebagainya.
- iii. Jika aduan yang diterima tidak diselesaikan dan pengguna membuat satu lagi aduan, aduan itu dipanggil aduan berulang. Sebagai langkah penyelesaian, mesyuarat akan diadakan bersama jabatan/agensi tersebut dan mesyuarat itu akan dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri dan Setiausaha Bahagian Korporat. Lawatan ke tapak lokasi tersebut turut diadakan.
- iv. Aduan yang diterima tidak semestinya dapat diselesaikan dalam tempoh setahun kerana ia bergantung kepada kerumitan penyelesaian aduan tersebut.
- v. Isu kutipan sampah merupakan aduan yang paling tinggi diterima dan paling kerap berulang.
- vi. Setelah STARS menerima dan menyampaikan aduan kepada jabatan/agensi terlibat untuk tindakan seterusnya, pada pihak STARS, status aduan dikira selesai.
- vii. Kakitangan yang mengendalikan STARS adalah terdiri daripada seorang pegawai dan dibantu oleh tiga orang pembantu tadbir. Jika terdapat lawatan ke lokasi berkenaan, mereka akan dibantu oleh jabatan/agensi pelaksana yang terlibat.
- viii. Talian hotline dibuka untuk memudahkan aduan dibuat pada hujung minggu.
- ix. Dokumen perjanjian kontrak asal dan kontrak tambahan telah ditandatangani di antara Syarikat Padimas Systems Sdn Bhd dengan Kerajaan Negeri Selangor (Bahagian Korporat) pada Februari 2007 dengan nilai projek sebanyak RM 1, 942, 046.00. Tempoh kontrak projek adalah selama setahun dan tempoh kontrak penyelenggaraan adalah selama dua tahun iaitu dari Jun 2010 sehingga Jun 2012.

f) Syor PAC :

terutamanya melibatkan jambatan. Berdasarkan aduan, ianya menyebabkan permukaan jalan menjadi lebih tinggi daripada sambungan *metal connector* dan ini membahayakan pengguna jalan raya.

f) Syor PAC :

- i. Berdasarkan taklimat yang diberikan oleh Pengarah JKR, prestasi kerja Roadcare tidak memuaskan dan JKR harus mengambil tindakan tegas mengikut terma-terma dalam perjanjian.
- ii. Tempoh perjanjian kontraktor untuk kerja-kerja penyelenggaraan jalan selama 15 tahun adalah tidak wajar. Jawatankuasa menyarankan bahawa tempoh perjanjian kontraktor selama 5 tahun atau jangka masa yang lebih pendek daripada 5 tahun harus dipastikan bagi memudahkan kerja pemantauan dan penilaian selaras dengan konsep *value for money*.
- iii. JKR disarankan melakukan semakan dari semasa ke semasa berhubung dengan kerja-kerja turapan jalan yang berulang dan dilakukan di atas jalan raya kerana berdasarkan aduan, kerja turap jalan menjadikan permukaan jalan lebih tinggi daripada sambungan *metal connector* dan ini membahayakan pengguna jalan raya.
- iv. Aduan yang dipanjangkan tidak boleh ditutup sehingga masalah aduan tersebut benar-benar selesai.

3.6. Teater Shah Alam

- a) Isu : Pengurusan dan aktiviti Teater Shah Alam dan juga status terkini
- b) Pihak : Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA)
- c) Tarikh panggilan : 19 September 2013
- d) Kehadiran : Y.Bhg. Dato' Haji Jaafar bin Atan (Datuk Bandar MBSA)
- e) Penemuan :
 - i. *Facility Manager* belum dilantik untuk menguruskan Bangunan Teater Diraja Shah Alam. MBSA masih menjadi *care taker* bagi bangunan tersebut walaupun tempoh sebenarnya telah tamat pada 31 Disember 2011 yang lalu.

- ii. Pengisian atau aktiviti Bangunan Teater Shah Alam ini masih tidak dibincangkan oleh mana-mana pihak.

f) Syor PAC :

- i. Seperti yang dinyatakan di dalam laporan *Building Condition Status Inspection* bertarikh 15 dan 16 November 2010, pihak pengurusan Kerajaan Negeri hendaklah mengambil inisiatif segera seperti melantik *Facility Manager* dan menentukan hala tuju Teater Shah Alam bagi memastikan setiap aspek pengurusan termasuk penyelenggaraan, pentadbiran, kewangan, pengisian aktiviti dan sebagainya dapat diuruskan dengan betul.
- ii. Memandangkan Teater Shah Alam menelan belanja wang rakyat sebanyak RM 43 juta, Kerajaan Negeri hendaklah memastikan Teater Shah Alam diuruskan dengan baik untuk manfaat rakyat.

3.7. WIFI Selangorku

- a) Isu : Keberkesanan WIFI Selangorku
- b) Pihak : Bahagian Teknologi Maklumat
- c) Tarikh panggilan : 19 Disember 2013
- d) Kehadiran : Encik Radi bin Mohamad (Penolong Setiausaha Kanan)
- e) Penemuan :
 - i. Hotspot ditempatkan dalam dua lokasi di setiap kawasan DUN dan bermula dari Sg Air Tawar (N01) sehingga Sungai Pelek (N56). Jumlah keseluruhan hotspot adalah sebanyak 112 lokasi.
 - ii. Pada mulanya, Wifi Selangorku dikelolakan oleh Puncak Langit Sdn Bhd dalam tempoh setahun melalui kontrak kerajaan negeri bermula tahun 2012 sehingga tahun Jun 2013 dengan nilai anggaran kos kontrak sebanyak RM 50 ribu setahun.
 - iii. Kemudian, Wifi Selangorku dikelolakan oleh Extol Corporation Sdn Bhd dalam tempoh dua tahun bermula pada hujung tahun 2013 sehingga Oktober 2015 dengan nilai kontrak sebanyak RM 2.74 juta. Kos pembayaran dilakukan oleh Pengerbantuan Menteri Besar (MBI) melalui Geran Selangorku.

- iv. Terdapat beberapa kriteria pemasangan hotspot seperti punca elektrik dan juga keselamatan barang berkenaan untuk mengaktifkan Wifi Selangorku.
- v. Terdapat lima kawasan DUN seperti Kuala Kubu Bharu, Bangi, Taman Templer, Dusun Tua dan Kota Alam Shah diminta meminda hotspot atas alasan tertentu.
- vi. Pada permulaan projek Wifi Selangorku, Bahagian Teknologi Maklumat telah mengadakan mesyuarat bersama dengan syarikat-syarikat telekomunikasi seperti TM, Digi, Maxis dan sebagainya tetapi ditolak kerana projek ini dikatakan boleh mengganggu pasaran dan pengguna sedia ada mereka.
- vii. Laporan bulanan akan diberikan oleh pembekal kepada Bahagian Teknologi Maklumat setiap bulan. Pemantauan dilakukan oleh pihak Bahagian Teknologi Maklumat.

f) Syor PAC :

- i. Bahagian Teknologi Maklumat perlu membuat laporan setiap minggu bagi mengenalpasti setiap masalah atau gangguan yang dihadapi oleh Wifi Selangorku dan memaklumkan kepada pembekal perkhidmatan untuk tujuan penambahbaikan.
- ii. Bahagian Teknologi Maklumat juga perlu meneliti *Key Performance Index* (KPI) yang telah dicapai sepanjang tempoh perlaksanaan perkhidmatan agar laporan dapat disediakan.

3.8. Sistem Talian Aduan Rakyat Selangor (STARS)

- a) Isu : Keberkesanan STARS
- b) Pihak : Bahagian Teknologi Maklumat
- c) Tarikh panggilan : 16 Januari 2014
- d) Kehadiran : Puan Devaki a/p Subramaniam (Penolong Setiausaha Bahagian Korporat), Puan Hernanie binti Mohd Yusof (Penolong Setiausaha Bahagian Korporat) dan Puan Erni Syazarina binti Mohd Anwar (Penolong Setiausaha Bahagian Teknologi Maklumat).
- e) Penemuan :